



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : APMM.DM10.100-2/1/1 ()

Tarikh : 28 Oktober 2018

SIARAN MEDIA

MARITIM MALAYSIA NEGERI KELANTAN TAHAN DUA BOT NELAYAN ASING VIETNAM MEROMPAK HASIL NEGARA

TOK BALI, 28 Oktober – Maritim Malaysia Negeri Kelantan sekali lagi berjaya menahan dua buah bot nelayan asing Vietnam yang disyaki merompak hasil laut negara dan cuba untuk menyeludup keluar hasil tersebut.

Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Kepten Maritim Nurul Hizam bin Zakaria berkata, kedua-dua bot berkenaan telah ditahan sekitar jam 6.30 petang sehingga 7.30 petang pada jarak lebih kurang 55 dan 57 batu nautika daripada Kuala Tok Bali di sini semalam oleh kapal peronda APMM, Kapal Maritim (KM) Jujur.

Dalam kejadian itu, KM Jujur yang diketuai oleh Leftenan Komander Maritim Pazrul Niza bin Mohd Mustapa sedang melaksanakan Op Damai telah menerima maklumat mengenai kehadiran dua buah bot nelayan asing. Apabila tiba di lokasi yang dimaklumkan, dua buah bot nelayan asing dilihat berada di lokasi tersebut dan melakukan aktiviti perikanan. Kedua bot juga turut disyaki melakukan aktiviti tunda ganding namun segera cuba melarikan diri apabila melihat kapal peronda penguatkuasa.

Hasil pemeriksaan mendapati kedua bot berkenaan mempunyai seramai 18 orang awak-awak termasuk tekong yang berumur dalam lingkungan 18 sehingga 42 tahun. Kesemua awak-awak dan tekong juga tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan kedua bot tersebut tidak mempunyai dokumen yang sah untuk berada di perairan perikanan Malaysia. Salah seorang tekong daripada bot tersebut telah ditahan sebanyak dua kali termasuk penahanan kali ini.

Kedua bot bersama tekong dan awak-awak dibawa masuk ke jeti Maritim Malaysia Negeri Kelantan di Tok Bali untuk siasatan lanjut. Nilai rampasan merangkumi bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan diesel dianggarkan bernilai lebih RM 1.5 juta. Bot akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985.

Sebagai tambahan, sehingga semalam, Maritim Malaysia Negeri Kelantan telah berjaya menahan sebanyak 31 buah bot dan 18 daripadanya merupakan bot nelayan yang disyaki klon dan bot nelayan asing Vietnam.

**KEPTEN MARITIM NURUL HIZAM BIN ZAKARIA
PENGARAH MARITIM NEGERI KELANTAN**

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat,
Seksyen Operasi,
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Negeri Kelantan
Jabatan Perdana Menteri,
KELANTAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Lt. Dya Maritim Mohd Farez Zawwani bin Yunus
Hp : 016 – 8444594
Tel : 09 – 7780070
Fax : 09 – 7780075
Email: mohdfarez@mmea.gov.com